

**ALUNAN GHAZAL**

**BEKAS IMAM**

*Suara lunak menusuk kalbu sambil main gambus rekaan sendiri*

## Hulu Bernam

**W**alaupun usia menjelang lapan de-  
kat namun kelu-  
nakan suara menyanyikan la-  
gu ghazal lirik bahasa Arab  
sambil bermain gampus  
masih mampu menusuk di  
ruang kalbu pendengar.

Irama muzik ghazal yang  
dimainkan dengan alat muzik,  
gampus seketika dahulu  
amat popular dalam kala-  
ngan masyarakat orang Me-  
layu terutama di Johor dan  
negeri di sebelah utara ta-  
nah air.

Kecenderungan masyara-  
kat masa kini terutama go-  
longan yang gemar irama  
muzik moden sesekali tidak  
berubah cinta seorang pe-  
neroka Felda Gedangsa, Hu-  
lu Bernam, Selangor, Md Ka-  
sah Ibun, 78, terhadap seni  
muzik tradisional yang se-  
makin dilupakan.

Beliau yang dilahirkan di  
Bagan Serai, Perak dan di-  
besarkan di Sungai Besar,  
Selangor serta kemudian  
pada 1971 menjadi peneroka  
di Felda berkenaan amat  
meminati ghazal sejak za-  
man remaja.

Md Kasah berkata, irama  
ghazal yang dinyanyikan be-  
liau sama ada lirik bahasa  
Arab atau Melayu dimain-  
kan dengan alat muzik  
gampus yang diperbuat  
oleh beliau sendiri.

Katanya, sejak aktif da-  
lam persembahan ghazal,  
beliau sudah menghasilkan  
kira-kira 50 gam-  
bus yang dibuat se-  
cara manual tanpa  
menggunakan  
sebarang  
mesin.

“Ben-

bus badan gampus seperti  
buah pear yang dibelah dua  
diperbuat sama ada dari-  
pada batang pokok pulai,  
cedepak, jering atau nang-  
ka yang biasanya banyak  
terdapat di kawasan kebun  
dan kampung.

“Pokok berkenaan yang  
sudah ditebang akan dipo-  
tong dan dibelah sebelum  
ditebuk teras kayu  
berkenaan bagi  
membentuk  
seperti per-  
mukaan  
kawah.

“Ba-  
dan  
gam-  
bus  
kemudian dikikir dan  
diukir dengan menggu-  
nakan pahat dan penukul  
secara manual serta berha-  
ti-hati kerana tersilap lang-  
kah akan membuatkan  
gampus berkenaan pecah,”  
katanya di Kampung Keli-  
ling, Felda Gedangsa, dekat  
sini.

Bekas imam Masjid Felda  
Gedangsa itu berkata, beliau  
memerlukan masa kira-kira  
15 hari untuk menyiapkan  
satu gampus yang lengkap  
sepenuhnya.

Katanya, bagi gampus  
yang badannya diperbuat  
daripada batang pokok  
nangka agak lebih berat jika  
dibandingkan dengan yang  
lain, tetapi alunan irama  
muzik yang dihasil-  
kan tidak akan  
mengecewa-  
kan pendengar  
terutama pe-  
cinta ghazal.

“Permu-  
kaan gam-

bus ditutup dengan papan  
playwood sahaja sebelum  
memulakan proses mem-  
buat leher dan pemulas tali  
pada gampus terbabit.

“Bahagian leher dan tem-  
pat pemulas tali diperbuat  
daripada kayu yang keras  
sebelum dipasang tali khas  
untuk gampus atau meng-  
gunakan tali joran,” kata-  
nya.

Beliau yang pernah men-  
getuai kumpulan Nurul  
Huda Ghazal Pati ketika za-  
man muda dahulu berkata,  
kemahiran membuat gam-  
bus diperoleh selepas me-  
niru sebuah gampus  
yang dipunyai  
oleh seo-

rang  
gu-  
ru  
agama.

Kata-  
nya, oleh ke-  
rana minat  
dan cinta yang  
mendalam ter-  
hadap alat muzik  
berkenaan menye-  
babkan beliau berusa-  
ha gigih membuat sen-  
diri dan akhirnya kekal se-  
hingga hari ini.

“Zaman berubah dan ke-  
munculan irama muzik mo-  
den terutama barat menye-  
babkan ghazal semakin di-  
lupakan apatah lagi alat muzik  
gampus terus tengge-  
lam, malah ada segelintir  
golongan muda yang tidak  
mengenali alat muzik ini.

“Dahulu lagu ghazal sama  
ada lirik berbahasa Arab  
atau Melayu sering berku-  
mandang dalam majlis ke-  
ramaian atau kenduri dan  
petikan gampus menjadi  
pelengkap irama ber-

kenaan,” katanya.

Beliau berkata, uniknya  
ghazal di samping berhibur  
terdapat mesej, pengajaran  
atau nasihat melalui  
bait-bait pada lirik lagu gha-  
zal yang mengajak dan me-  
nyeru manusia membuat  
kebaikan dan tidak lupa  
pada Tuhan.

“Ramai juga peminat gha-  
zal dan alat muzik gampus  
membeli gampus dari saya  
yang dijual kira-kira RM450  
seunit dan kini hanya ting-  
gal dua gampus yang masih  
tersimpan serta masih da-  
lam keadaan baik.

“Oleh kerana usia sudah  
meningkat ditambah pula  
keadaan mata yang sudah  
kabur menyebabkan niat  
untuk membuat gampus

terhenti  
seketika,  
namun sema-  
ngat untuk meng-  
hasilkan gampus tidak  
pernah pudar,” katanya.

Ramai juga peminat ghazal dan alat muzik  
gampus membeli gampus dari saya yang  
dijual kira-kira RM450 seunit dan kini hanya  
tinggal dua gampus yang masih tersimpan  
serta masih dalam keadaan baik”